

14 dari 2,000 buku dilapor hilang dari PCC dipulangkan

UM 216 OCT 2003
KUALA LUMPUR 25 Okt. — Sebanyak 14 buah daripada 2,000 naskhah buku milik pakar motivasi, Billi P.S. Lim yang membentuk replika Menara Kembar Petronas yang hilang dari Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) khamis lalu dipulangkan kepadanya sejak semalam sehingga hari ini.

Beliau berkata, mereka yang telah memulangkannya membabitkan empat individu termasuk seorang kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Selebihnya adalah mereka yang bekerja di PCC iaitu lokasi di mana pameran buku itu berlangsung, katanya di sini.

Pada 21 Oktober lalu, kira-kira 2,000 naskhah buku yang digunakan bagi membina menara kembar di PCC sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, baru-baru ini, dilaporkan hilang.

Menara setinggi 20 meter itu dibina pada Julai lepas sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai menara buku tertinggi di Malaysia.

Sejak dipamerkan buat kali pertama di Sunway Pyramid, menara itu telah dipasang di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dipindahkan ke lobi PCC. Nilai buku-buku yang hilang itu dianggarkan sebanyak RM70,000.

Semalam, ketua Polis Daerah Putrajaya, Deputi Supritendan Khalil Kader Mohamad berkata, polis menyiasat dan memerlukan masa bagi mengesan mereka yang bertanggungjawab.

Billi berkata, beliau memerlukan buku-buku tersebut bagi mengadakan pameran seterusnya di KL Sentral minggu depan.

Jelasnya ekoran dari perkembangan itu beliau terpaksa meminjam dari beberapa pengeluar buku.

“Ini bagi meneruskan hasrat saya untuk membuat pameran di sana (KL Sentral),” kata beliau.

Beliau menarik perhatian, sekiranya setiap seorang mengambil lima naskhah buku, ia akan melibatkan seramai kira-kira 400 orang.